

AMALAN TEKNIK MENGIKAT DI KALANGAN PELAJAR - PELAJAR  
SEKOLAH MENENGAH TEKNIK BATU PAHAT, JOHOR.



PTTALITHM  
PERPUSTAKAAN TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN  
ZAIDA BTE TORMAN

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN





KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS** ♦

JUDUL : AMALAN TEKNIK MENINGAT DI KALANGAN PELAJAR-  
PELAJAR SEKOLAH MENENGAH TEKNIK BATU PAHAT,  
JOHOR.

SESI PENGAJIAN : 2002/2003

Saya ZAIDA BTE TORMAN  
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM/Sarjana/Doktor Falsafah)\* ini disimpan di Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dengan syarat- syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. \*\* Sila tandakan (✓)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)


TIKAK TERHAD



(TANDATANGAN PENULIS)



Disahkan oleh



(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap : 33-A, FELDA NITAR 01,  
86807 MERSING, JOHOR.

EN. MOHD. YUSOP B. AB. HADI  
Nama Penyelia

Tarikh : 27 September 2002

Tarikh : 27 September 2002

CATATAN: \*

Potong yang tidak berkenaan.

\*\*

Jika tesis ini SULIT atau terhad, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/ organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.

♦

Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional”

Tandatangan : .....  
Nama Penyelia : En. Mohd. Yusop bin Ab. Hadi  
Tarikh : .....27/9/2002.....



PTTA UTeM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

AMALAN TEKNIK MENGINGAT DI KALANGAN PELAJAR-PELAJAR  
SEKOLAH MENENGAH TEKNIK BATU PAHAT, JOHOR.

ZAIDA BTE TORMAN

Projek Sarjana Ini dikemukakan sebagai memenuhi  
Syarat penganugerahan Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER 2002

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan : .....  
Nama Penulis : ZAIDA BTE TORMAN  
Tarikh : 27 SEPTEMBER 2002



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**DEDIKASI**

Kepada yang teristimewa, Abah dan Emak tercinta .... **Torman bin Johari** dan **Endon bte Dollah**, kejayaan ini merupakan hadiah teristimewa daripada anakanda mu berkat pengorbanan serta doa kalian berdua selama ini. Semoga kalian bergembira dengan pemberianku ini.

Khas buat Ayah dan Emak Mertua .... **Rambeli bin Mat Taha** dan **Sarah bte Alang**, terima kasih di atas kata-kata perangsang serta doa restu yang kalian berikan. Terimalah hadiah teristimewa daripada anakanda mu ini.

Buat suami tersayang.... **Mohd. Zamri bin Ramli** yang telah banyak memberikan dorongan, kasih sayang serta kata-kata perangsang buatku, **Sesungguhnya kaulah segala-galanya bagiku**, semoga cita-cita serta impian hidup kita menjadi kenyataan.... Insya-Allah.

Kepada seluruh ahli keluarga, Abang **Zaidi** dan Akak **Zarina** sekeluarga, Adik-adik yang dikasihi..... **Siti Khadijah** dan **Siti Zubaidah**, Terima kasih di atas dorongan serta perhatian yang diberikan. Semoga kalian sentiasa gembira dan berbahagia selalu.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNJUKU AMINAH

## PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Alhamdulillah, syukur saya ke hadrat Allah *s.w.t* kerana dengan limpah kurniaNya, dapatlah saya menyiapkan Projek Sarjana ini dengan jayanya.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia projek ini, En. Mohd. Yusop B. Ab. Hadi yang telah memberikan tunjuk ajar dalam menjayakan projek ini. Terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan buat para panel iaitu P.M. Hj.Ayob B. Hj.Johari dan Pn. Hj. Sarebah Bt. Warman di atas tunjuk ajar serta komen-komen membina yang diberikan.

Ucapan terima kasih ini juga ditujukan buat semua pelajar yang terlibat di dalam menjayakan kajian ini serta guru-guru Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat, Johor yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan projek ini.

Buat rakan-rakan, Syahira, Nurul Hayati, Rasyidah, Shuhaila, Atijah, Norhafizah, Noni Lela Hayati, Wan Hamiza dan lain-lain, terima kasih di atas segala bantuan serta pandangan yang diberikan. Semoga Allah *s.w.t* merahmati kalian di atas apa jua yang telah dihulurkan serta ikatan persahabatan kita terus berkekalan. Terima Kasih.

Zaida bte Torman  
MTD (2001-2002)



PTTA UTeM  
PERPUSTAKAAN TUN KUTUN AMINAH



## ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk meninjau amalan teknik mengingat di kalangan pelajar-pelajar Tingkatan 5, Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat, Johor. Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui pendapat pelajar mengenai kepentingan teknik mengingat kepada mereka serta teknik-teknik mengingat yang diamalkannya. Seramai 90 orang pelajar telah diambil sebagai sample kajian. Data dikumpul melalui kaedah soal selidik dan dianalisis menggunakan taburan frekuensi, peratusan dan skor min. Analisis ini dilakukan menggunakan perisian SPSS for Windows 10.0. Hasil daripada dapatan kajian ini menunjukkan bahawa responden tidak mengetahui dan tidak mengamalkan pelbagai teknik mengingat yang berkesan. Justeru itu, mereka memerlukan satu panduan berkaitan teknik mengingat untuk membantu pelajar-pelajar dalam menghadapi pembelajaran dan peperiksaan.



PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## ABSTRACT

This study is to observe the common memory technique amongst form five students at Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat, Johor. This study tried to get the student opinion about the importance of the memory technique for them and also introduce several technique that are usually applied. Ninety students are taken as sample. The data are collected using questionnaire and the frequencies mode, percentages and minimum score are used in analysis. The analysis are done using SPSS 10.0 for Windows. This study found that, most of the respondent do not know and also don't apply the technique. For that, they need the memory technique guidelines for them to success in their academic and examinations.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	JUDUL	
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI LAMPIRAN	xiii
<b>BAB I</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>1</b>
	1.0 Pendahuluan	1
	1.1 Latar Belakang Masalah	3
	1.2 Pernyataan Masalah	4
	1.3 Objektif Kajian	5
	1.4 Persoalan Kajian	6
	1.5 Kepentingan Kajian	6



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



1.6	Skop dan Limitasi Kajian	7
1.7	Definisi Istilah dan Definisi Operasional	7
1.7.1	Definisi Istilah	7
1.7.2	Definisi Operasional	9
<b>BAB II</b>	<b>SOROTAN PENULISAN</b>	<b>11</b>
2.0	Pendahuluan	11
2.1	Proses Ingatan	12
2.2	Teknik Mengingat	16
2.3	Mengukur Daya Ingatan	20
2.4	Strategi Menajamkan Daya Ingatan	21
<b>BAB III</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>26</b>
3.0	Pendahuluan	26
3.1	Rekabentuk Kajian	27
3.2	Populasi dan Sampel	27
3.3	Instrumen Kajian	29
3.3.1	Soal Selidik	29
3.3.2	Panduan Teknik Mengingat	31
3.3.3	Kajian Rintis	32
3.3.4	Ujian Kebolehpercayaan	33
3.4	Kaedah Pengumpulan Data	33
3.5	Penganalisan Data	34
3.6	Prosedur Kajian	35



**BAB IV REKABENTUK PRODUK 37**

4.0	Pengenalan	37
4.1	Latar Belakang Penghasilan Produk	37
4.2	Objektif Penghasilan Produk	38
4.3	Rekabentuk Kajian	39
4.3.1	Bentuk dan Ciri-Ciri Produk	39
4.3.2	Kronologi Pembinaan Produk	42
4.3.3	Permasalahan Dalam Membina Produk	43
4.3.4	Bahan, Kos dan Masa Membina Produk	44
4.4	Penilaian Produk	45
4.4.1	Pemilihan dan Pembinaan Instrumen untuk Menilai Produk	45
4.4.1.1	Instrumen untuk Menilai Produk	45
4.4.1.2	Pemilihan Subjek untuk Menilai Produk	46
4.4.2	Fokus Penilaian	46

**BAB V ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN 48**

5.0	Pengenalan	48
5.1	Analisis Data Terhadap Latar Belakang Responden	49
5.1.1	Jantina	49
5.1.2	Aliran Kejuruteraan	50
5.1.3	Mata Pelajaran yang Diminati	51
5.2	Analisis Data Terhadap Pandangan Responden Mengenai Kepentingan Teknik Mengingat	52



5.3	Analisis Data Terhadap Teknik Mengingat yang Diamalkan oleh Responden	54
5.4	Maklumbalas Terhadap Soal Selidik Penilaian Produk	55
5.4.1	Analisis Penilaian Produk	56
<b>BAB VI</b>	<b>PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	<b>58</b>
6.0	Pendahuluan	58
6.1	Perbincangan	59
6.1.1	Pandangan Responden Mengenai Kepentingan Teknik Mengingat	59
6.1.2	Amalan Teknik Mengingat Di Kalangan Responden	59
6.2	Kesimpulan	60
6.3	Cadangan	62
6.4	Cadangan Kajian Lanjutan	62
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	64- 67
	<b>LAMPIRAN</b>	
	Lampiran A - E	68 - 72



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Format Skala Likert	31
3.2	Tafsiran Analisis Skor Min	34
3.3	Prosedur Pelaksanaan Projek Sarjana	36
4.1	Perlaksanaan Pembangunan Produk	47
5.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	49
5.2	Taburan Responden yang Mengikuti Aliran Kejuruteraan	50
5.3	Peratusan Mata Pelajaran yang Diminati oleh Responden	51
5.4	Amalan Teknik Mengingat yang Diamalkan oleh Responden	54
5.5	Maklumbalas Responden Terhadap Produk yang Dihasilkan	57
6.1	Keputusan CPA Responden bagi Kajian yang dilakukan oleh Latipah Hj. Yaacob	61



PTA UTHM

PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
2.1	Model Ingatan	15
2.2	Kaedah Mengukur Daya Ingatan	21
3.1	Peratus Sampel Berbanding Populasi	28
4.1	Kronologi Penghasilan Produk	42
5.1	Graf Taburan Responden Mengikut Jantina	49



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SENARAI LAMPIRAN

NO. LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Soal Selidik Kajian	68
B	Analisis Kajian Rintis (SPSS)	69
C	Analisis Data	70
D	Soal Selidik Penilaian	71
E	Produk (Panduan Teknik Mengingat Bagi Pelajar)	72



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



## BAB I

### PENGENALAN

#### 1.0 Pendahuluan

Setiap manusia mempunyai kemampuan atau kelebihan serta kelemahan yang berbeza-beza. Keupayaan menguasai sesuatu bidang mungkin tidak sama antara satu sama lain biarpun secara biologinya manusia dikurniakan oleh Tuhan dengan sistem pemikiran (otak) yang sama. Namun dari segi penguasaan, terdapat manusia lebih cenderung menggunakan otak kanannya berbanding otak kirinya atau sebaliknya.

Begitu juga halnya dengan kemampuan mengingat, setiap manusia mempunyai kemampuan yang berbeza bergantung kepada bagaimana cara minda mereka dijana atau dimanipulasi. “Kebanyakan ahli psikologi percaya bahawa daya ingatan perlu dirangsang pada setiap masa. Jika tidak, ada kemungkinan ia akan dirosakkan oleh sikap kita sendiri yang tidak memahami prinsip ingatan itu sendiri, iaitu ‘jika tidak digunakan, ia akan hilang’. Ini bermakna, lebih kerap kita menggunakan ingatan, kita akan membiasakan diri dengan maklumat dan pengetahuan yang ingin dikekalkan. (Muhammad Kamil dan Nasruddin, 1999).

Jika dilihat secara realitinya, pelajar-pelajar yang cemerlang dalam pelajaran tidak semestinya pelajar yang ‘ulat buku’. Ada juga di antara mereka hanya mengulangkaji pelajaran apabila tiba musim peperiksaan atau ujian. Namun

keputusan yang ditunjukkan amat memberangsangkan. Ini mungkin disebabkan oleh pelajar terbabit masih mengingati serba sedikit isi pelajaran yang telah dipelajarinya dan ulangkaji di saat-saat akhir itu dilakukan adalah untuk merangsang kembali ingatan mereka.

Kemampuan mengingat dalam jangka masa panjang bukanlah satu perkara mudah jika tidak diketahui kaedah atau teknik-tekniknya. Setiap individu juga tidak mempunyai kekuatan daya mengingat yang sama. Ada pelajar yang mudah mengingat walaupun disebut hanya sekali dan ada juga pelajar yang perlu diulang beberapa kali hanya semata-mata ingin mengingati sesuatu. Oleh sebab itu, seseorang pelajar mestilah berusaha memperbaiki daya ingatan mereka melalui pelbagai teknik mengingat yang berkesan. Menurut Mohd. Yusuf Hj. Arshad (1991), kemahiran mengingat merupakan salah satu kemahiran belajar yang diberi secara langsung atau tidak. Kemahiran mengingat harus ada pada pelajar untuk mencapai penguasaan dalam sesuatu pembelajaran. Ini kerana proses mengingat bukanlah sekadar merakamkan maklumat di dalam ingatan semata-mata malah maklumat tersebut perlu dikeluarkan kembali untuk sesuatu tujuan apabila tiba masanya.

Di dalam proses pembelajaran, terdapat pelbagai teknik yang lazim digunakan seperti teknik membaca, teknik membuat nota, teknik memahami dan sebagainya. Walau bagaimanapun, matlamat utama teknik-teknik tersebut adalah untuk tujuan memantapkan ingatan seseorang terhadap apa yang telah dipelajarinya. Oleh sebab itu, penguasaan terhadap teknik mengingat amat penting selain pengaplikasian teknik-teknik belajar yang lain.



PTTA UTM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## 1.1 Latar Belakang Masalah

Tugas sebagai seorang pelajar bukanlah satu tanggungjawab yang mudah. Di dalam menjalani proses pembelajaran, terlalu banyak perkara yang harus dilakukan seperti mengulangkaji pelajaran, membuat latihan pengukuhan, membuat tugas sekolah dan sebagainya di samping bebanan pelbagai jenis mata pelajaran yang perlu dipikul di bahu pelajar. Tambahan pula setiap mata pelajaran ini mempunyai ujian ataupun peperiksaan akhir yang akan menentukan tahap penerimaan pelajar.

Matlamat utama setiap pelajar adalah berjaya dengan cemerlang dalam pelajarannya. Namun, untuk mencapai kecemerlangan seseorang pelajar perlulah mahir dalam teknik belajar yang berkesan. Menurut Mohd. Yunus (1990), penggunaan teknik belajar yang betul dan berkesan akan mengurangkan masa dan tenaga tetapi mampu meningkatkan hasil dan kesannya. Salah satu teknik belajar berkesan yang harus dikuasai oleh pelajar adalah teknik mengingat. Ini kerana secara fitrahnya, sesiapa sahaja boleh mengalami masalah lupa. Turkington (1995) berpendapat bahawa, apabila seseorang menghadapi masalah mengingat sesuatu, ia sebenarnya bukanlah kesilapan keseluruhan sistem ingatannya namun ia hanya kekurangan suatu komponen dalam sistem itu.

Menurut Dr. Hassan Hj. Mohd Ali (1996), manusia mempunyai keupayaan untuk mengingat yang agak terbatas. Tidak semua perkara yang memasuki ingatan kita kekal dalam ingatan. Akan tetapi manusia boleh meningkatkan kemahiran mereka untuk mengingat melalui latihan dan cara yang sistematik.

Semua perkara tidak mustahil untuk dilakukan selagi seseorang itu mempunyai kesungguhan untuk mencapainya. Ini berlaku kepada seorang tokoh Islam yang terkemuka iaitu Imam Shafie. Beliau mempunyai ketajaman akal dan



kecerdikan yang luar biasa selain kesungguhan yang tinggi bila mana beliau mampu menghafaz Al-Quran ketika berumur 9 tahun. Setahun kemudian pula beliau menghafal kitab “Muttawa” hasil karangan Imam Malik. (Majalah ‘I’, Edisi Pengenalan).

Kajian yang telah dilakukan ini adalah berdasarkan tinjauan amalan teknik mengingat di kalangan pelajar-pelajar Tingkatan 5, Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat, Johor. Tanpa penggunaan teknik mengingat, mana mungkin pelajar-pelajar ini mampu berhadapan dengan peperiksaan yang setiap satunya menguji kefahaman dan kekuatan mengingat fakta dan formula di kalangan pelajar.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Teknik mengingat merupakan salah satu teknik belajar berkesan yang perlu dipelajari dan seterusnya diamalkan oleh semua pelajar. Kurikulum pembelajaran secara formal hari ini membekalkan kepada pelajar pelbagai jenis mata pelajaran yang memerlukan kombinasi kefungsi otak kanan dan otak kiri. Kepelbagaian mata pelajaran ini memerlukan daya ingatan yang kuat bagi membolehkan pelajar-pelajar berhadapan dengan ujian atau peperiksaan. Ini bersesuaian dengan pandangan Dr. Hassan Hj. Mohd Ali (1996), yang mengatakan bahawa “Mengingat dan menghafal apa yang dipelajari adalah dua proses yang amat penting dalam pembelajaran. Sebahagian besar dari apa yang dipelajari di sekolah atau melalui pembacaan mestilah difahami dan seterusnya diingat dan dihafal untuk dikeluarkan kembali dalam bentuk bertulis atau lisan dalam peperiksaan”.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNJUKAN AMINAH

Menurut Mohd. Nashuha Jamidin et.al (1995), menyatakan bahawa hanya melalui usaha seperti membuat latihan, mengulangkaji, menghafal dan sebagainya akan mengekalkan maklumat tersebut di dalam ingatan sebagai 'pengalaman'. Proses-proses belajar yang sistematik memerlukan kemahiran yang tertentu yang perlu dikuasai oleh pelajar.

Gregg (1972), pula menyatakan bahawa mengingat menolong pelajar menerima dan menyimpan maklumat. Mengingat juga memudahkan proses memanggil semula fakta secara sistematik. Dengan menggunakan alat-alat dan teknik mengingat, lebih banyak maklumat boleh difahami dengan cepat dan boleh disimpan dalam masa yang lebih lama.

Namun begitu, apakah pandangan mereka mengenai kepentingan teknik mengingat dan apakah teknik-teknik mengingat yang lazim digunakan oleh pelajar-pelajar Tingkatan 5, Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat, Johor?

### 1.3 Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini dilakukan adalah untuk :

- i) Mengetahui pendapat pelajar mengenai kepentingan teknik mengingat dalam pembelajaran untuk mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan.

- ii) Mengenalpasti teknik mengingat yang lazim diamalkan oleh pelajar-pelajar Tingkatan 5, Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat, Johor.

#### 1.4 Persoalan Kajian

- i) Apakah pandangan pelajar terhadap pentingnya teknik mengingat dalam pembelajaran untuk mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan?
- ii) Apakah teknik mengingat yang lazim diamalkan oleh pelajar-pelajar Tingkatan 5, Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat, Johor?

#### 1.5 Kepentingan Kajian

Segala maklumat yang diperolehi daripada kajian ini akan dianalisis untuk dijadikan panduan kepada pengkaji dalam menghasilkan “Panduan Teknik Mengingat Bagi Pelajar”. Panduan ini diharap akan memberi peluang kepada pelajar-pelajar memilih teknik-teknik mengingat yang sesuai digunakan untuk meningkatkan pencapaian pembelajaran mereka.

Pengkaji juga menjangkakan agar hasil panduan ini akan digunakan oleh guru-guru serta pihak sekolah untuk mengambil apa-apa tindakan dalam memberikan



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



pendedahan yang lebih mendalam terhadap penguasaan teknik mengingat supaya diaplikasikan di dalam proses pembelajaran pelajar-pelajar.

## **1.6 Skop dan Limitasi Kajian**

Kajian ini dilakukan adalah untuk melihat amalan teknik mengingat yang dilakukan oleh pelajar-pelajar Tingkatan 5, Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat, Johor di dalam pembelajaran mereka. Selain daripada itu, pengkaji juga ingin meninjau sejauhmana pandangan pelajar-pelajar ini mengenai kepentingan teknik mengingat yang perlu diamalkan untuk mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan.

Dapatan kajian akan digunakan oleh pengkaji untuk membangunkan "Panduan Teknik Mengingat Bagi Pelajar" yang akan menekankan kepada teknik mengingat yang lazim digunakan oleh pelajar.

## **1.7 Definisi Istilah dan Definisi Operasional**

### **1.7.1 Definisi Istilah**

Terdapat beberapa istilah yang telah digunakan dalam menerangkan tajuk kajian ini dan beberapa terma yang harus diketahui bagi memahami masalah, objektif



dan persoalan kajian ini. Istilah-istilah dan terma-terma yang digunakan adalah seperti berikut:

**a) Amalan**

Menurut Kamus Dwibahasa (1991), amalan bermaksud perbuatan atau tindakan membuat sesuatu berulang kali agar lebih mahir.

**b) Teknik Mengingat**

Menurut Kamus Dwibahasa (1991), 'teknik' bermaksud kaedah untuk melakukan atau melaksanakan sesuatu manakala 'mengingat' bermaksud menyimpan di dalam minda (otak) dan dipanggil semula bila diperlukan.

Kamus Dewan (edisi ketiga) mentakrifkan teknik sebagai kaedah mencipta sesuatu hasil seni seperti muzik, karang-mengarang dan sebagainya.

Rahil, Jami'ah & Kasnani (2000), mendefinisikan ingatan sebagai proses kognitif yang mengekalkan maklumat semasa untuk kegunaan kemudian hari.

Ab. Rahim Selamat (1992), pula menyatakan ingatan sebagai kebolehan mengingat kembali atau menyebut dan menulis fakta atau kejadian yang berlaku selepas beberapa lama.

Dengan ini teknik mengingat boleh dikatakan sebagai “Kaedah yang digunakan untuk membolehkan sesuatu maklumat yang diperolehi disimpan di dalam fikiran untuk kegunaan akan datang”.

### 1.7.2 Definisi Operasional

Kajian ini meninjau amalan teknik mengingat di kalangan pelajar-pelajar sekolah dengan pengertian berikut :

a) **Amalan**

Kebiasaan atau kelaziman yang dilakukan di kalangan pelajar terhadap teknik mengingat.

b) **Teknik Mengingat**

Kaedah menyimpan segala fakta, maklumat, formula dan sebagainya yang berkaitan dengan pembelajaran di dalam ingatan (minda) pelajar yang mana ianya akan dicari untuk mendapatkan semula maklumat yang disimpan apabila tiba waktu ujian ataupun peperiksaan.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

c) **Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat, Johor**

Pelajar-pelajar yang akan diambil sebagai responden di dalam kajian ini adalah pelajar-pelajar Tingkatan 5, Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat, Johor.



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## BAB II

### SOROTAN PENULISAN

#### 2.0 Pendahuluan

Tanggungjawab sebagai seorang pelajar yang paling utama adalah melengkapkan diri mereka dengan pelbagai ilmu pengetahuan yang diberikan samada di sekolah mahupun melalui pembacaan sendiri. Namun begitu, belum tentu semua yang dipelajari dan dibaca mampu diingati samada dalam jangka panjang mahupun dalam jangka pendek. Ini kerana kemampuan mengingat manusia amatlah terhad. Menurut Md. Azri Aziz (2002), sebagai seorang pelajar yang sedang membuat persiapan untuk menghadapi peperiksaan contohnya, adakalanya mungkin merasakan bebanan yang keterlaluan untuk mengingat pelbagai macam fakta seperti formula, jadual, gambarajah dan sebagainya. Mereka sering terlupa apa yang telah dibaca dan merasakan terlalu sukar untuk menguasai maklumat. Oleh sebab tiada suatu sistem ingatan yang berkesan, pembelajaran boleh menjadi suatu rutin yang sungguh menjemukan. Setiap halaman buku yang dibaca mungkin hanya menghabiskan waktu tanpa adanya pertambahan jitu dalam perbendaharaan ilmu.

Fenomena kelupaan merupakan kejadian biasa yang sering dialami oleh setiap orang. Namun fenomena ini menjadi masalah besar bagi seseorang pelajar apatah lagi sekiranya pelajar berkenaan bakal menghadapi peperiksaan penting.

## 2.1 Proses Ingatan

Manusia yang berada di dalam keadaan sedar sebenarnya sentiasa mengalami proses ingatan yang berulang-ulang. Apa yang kita dengar, yang kita lihat dan apa jua benda yang terlintas di fikiran kita perlu mengalami proses ingatan di dalam minda sebelum sesuatu tindakan dilakukan. Apa yang membezakannya adalah samada maklumat tersebut hendak dikekalkan di dalam ingatan ataupun tidak.

Proses ingatan berlaku dalam tiga peringkat iaitu peringkat rakaman, peringkat penyimpanan dan peringkat pengunduran ( Md. Azri Aziz,2002). Pendapat yang sama juga diberikan oleh Rahil, Jami'ah & Kasnani (2000) dengan penggunaan istilah yang berbeza namun pendekatan yang sama iaitu peringkat perolehan, peringkat pengekaln dan peringkat perolehan kembali.

### i) Peringkat Rakaman atau Perolehan

Di dalam apa jua aktiviti harian yang melibatkan penggunaan organ penglihatan dan pendengaran, ia sebenarnya menjadi maklumat yang akan dihantar ke dalam proses ingatan manusia. Namun begitu, maklumat yang dihantar ke dalam sistem ingatan harus dikodkan atau diterjemahkan terlebih dahulu ke dalam bentuk yang boleh digunakan oleh sistem ingatan kita.

Di dalam konteks pembelajaran pula, peringkat pertama proses ingatan ini berlaku apabila kita cuba untuk mempelajari sesuatu bahan contohnya ketika membuat catatan, membaca dan mendengar syarahan atau membuat analisis. Pada waktu ini apa jua maklumat yang diterima akan menjadi bahan untuk dirakamkan ke dalam proses ingatan kita.



PTTA UTHM  
PERBADANAN TUNJANGAN TUNJANGAN AMINAH



**ii) Peringkat Penyimpanan atau Pengekalan**

Setelah segala rangsangan atau maklumat yang dihantar dirakamkan, fungsi penyimpanan atau pengekalan pula mengambil peranan. Pada waktu ini penentuan jangka masa menyimpan itu pula bergantung kepada pemilik diri sama ada hendak menyimpan maklumat tersebut lama ataupun tidak.

Bagi seseorang pelajar, kebanyakan maklumat-maklumat berguna seperti fakta pembelajaran, formula, rumus dan sebagainya perlu disimpan dalam jangka masa panjang berbanding cerita-cerita mengenai kawan-kawan atau guru-guru yang tidak perlu disimpan lama. Namun, sebagai manusia kita sering berusaha untuk mendapatkan maklumat yang telah tersimpan itu memandangkan maklumat baru boleh mengaburkan atau mengelirukan maklumat lama .

**iii) Peringkat Pengunduran atau Perolehan Kembali**

Peringkat ketiga ini merupakan proses mengeluarkan maklumat daripada simpanan. Maklumat yang telah disimpan di dalam ingatan kita perlu diperolehi kembali apabila diperlukan. Sebagai seorang pelajar contohnya, semasa mengulangkaji pelajaran, terdapat banyak perkara perlu disimpan di dalam ingatan mereka. Apabila tibanya waktu ujian atau peperiksaan, semua yang cuba disimpan itu perlu dikeluarkan kembali sepertimana yang dikehendaki oleh soalan. Terdapat sesetengah maklumat itu senang diperolehi kembali manakala yang lainnya mengambil masa yang agak panjang untuk mencari maklumat berkenaan. Maklumat ini mungkin langsung tidak dapat diperolehi kembali kerana kita mengalami masalah kelupaan.



PTTA UTHM  
PERIKATAN TUNJANGAN TUNKU TUN AMINAH

Menurut Rahil, Jami'ah & Kasnani (2000) dan Md. Azri Aziz (2002), ingatan boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Ingatan Deria, Ingatan Jangka Pendek dan Ingatan Jangka Panjang.

**i) Ingatan Deria**

Maklumat dalam bentuk rangsangan dari persekitaran akan memasuki sistem penyimpanan deria. Maklumat ini hanya kekal dalam jangka masa yang sangat singkat iaitu kurang dari satu saat. Tanpa ingatan deria ini, seseorang itu tidak akan sedar tentang maklumat yang diterimanya. Disebabkan fungsinya sementara, maka kebanyakan maklumat akan luput atau masuk ke dalam penyimpanan jangka pendek. Ingatan deria ini penting kerana ianya memberikan seseorang itu masa untuk mempertimbangkan dan memilih item penting untuk diingat.

**ii) Ingatan Jangka Pendek**

Ingatan jangka pendek merupakan tempat penyimpanan maklumat aktif dalam minda. Ingatan ini mampu memproses maklumat dalam jangka masa yang singkat iaitu antara 30 saat hingga 24 jam. Kadar luputnya maklumat di dalam ingatan ini amat cepat kerana muatan sistem ini terhad.

Sistem ingatan jangka pendek berfungsi menapis sebahagian daripada maklumat yang telah sedia ada untuk memberi ruang kepada maklumat yang baru. Mekanisme ini membolehkan kita membuat penilaian yang sempurna dalam setiap aktiviti mental bagi mengelakkan ketepuan maklumat. Oleh




PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

sebab itu terdapat dua kemungkinan sama ada maklumat yang memasuki ingatan jangka pendek akan luput atau memasuki ingatan jangka panjang.

### iii) Ingatan Jangka Panjang

Peringkat ingatan jangka panjang berfungsi menahan maklumat pada jangka masa yang lama sehingga ada sebahagiannya kekal sepanjang hayat. Setiap manusia seboleh mungkin ingin mengingati semua perkara di dalam ingatan mereka. Namun kemampuan yang terbatas menyebabkan hanya sesetengah perkara sahaja mampu diingati dalam jangka masa yang lama atau kekal selama-lamanya. Contoh ingatan jangka panjang ialah keupayaan kita mengingati nama, nombor kad pengenalan, tarikh dan tempat kita dilahirkan. Maklumat sedemikian jarang dilupai oleh seseorang yang berfikiran waras. Tambahan pula, keperluan mengingatnya sentiasa diperlukan di dalam kehidupan seharian kita.



**Rajah 2.1 : Contoh Model Ingatan**

Sumber: Rahil, Jami'ah & Kasnani (2000)

## 2.2 Teknik Mengingat

Walaupun seseorang pelajar sudah memahami apa jua isi pelajaran yang diberikan oleh guru, ini tidak bermakna mereka boleh mengingat semuanya dalam jangka masa panjang. Kebiasaan yang dilakukan oleh kebanyakan pelajar untuk mengingat adalah dengan cara mengulangkaji. Namun kekerapan mengulangkaji ini berbeza antara satu sama lain bergantung kepada tahap kecerdasan seseorang (Rahil, Jami'ah & Kasnani, 2000).

Menurut Rahil, Jami'ah & Kasnani (2000) lagi, terdapat pelbagai teknik mengingat yang boleh digunakan oleh seseorang pelajar agar pembelajaran dan pembacaan yang dilakukan dapat diingati dalam jangka masa panjang iaitu:

*a) Menyedia dan mengulangkaji peta konsep atau peta minda.*

Teknik mengambil nota yang popular dan berkesan untuk meningkatkan kemampuan mengingat boleh dilakukan dengan menggunakan peta minda atau peta konsep. Peta konsep atau peta minda yang boleh dipraktikkan ini boleh dihasilkan dengan pelbagai bentuk seperti bentuk kelompok, bentuk awan, bentuk pokok, ranting dan daun, bentuk tulang ikan, bentuk kipas dan bentuk sotong.

Peta konsep atau peta minda yang dihasilkan boleh dipilih bergantung kepada kesesuaian mata pelajaran yang dipelajari. Penggunaan teknik ini lebih sesuai bagi mata pelajaran berbentuk pembacaan seperti Sejarah, Sains, Bahasa Melayu dan lain-lain.

**b) Menyedia dan mengulangkaji carta aliran dan gambarajah Venn.**

Selain peta minda atau peta konsep, teknik mengingat menggunakan gambar rajah Venn dan carta aliran juga boleh memudahkan seseorang pelajar mengingat terutamanya bagi elemen-elemen yang berkait. Namun aplikasi teknik ini amat terhad penggunaannya kerana hanya perkara-perkara yang berkaitan sahaja boleh dipersembahkan menggunakan teknik ini. Namun teknik ini sering digunapakai bersama-sama peta konsep atau peta minda bagi memudahkan lagi gambaran terhadap perkara yang hendak disampaikan.

**c) Menyedia dan mengulangkaji singkatan, mnemonik, simbol, lukisan atau lakaran.**

Bagi memudahkan proses mengingat terutamanya pembacaan yang panjang, kaedah singkatan boleh digunakan di samping penggunaan simbol, lukisan atau lakaran. Teknik ini sering dilakukan oleh pelajar-pelajar kerana penggunaan teks semata-mata sering menimbulkan rasa jemu. Dengan gabungan teks, simbol, lakaran ataupun lukisan, nota yang dihasilkan lebih menarik untuk dibaca. Ini kerana tindakan sebegini mampu merangsang minda agar lebih aktif dan ini memudahkan proses mengingat.

Menurut Md. Azri Aziz (2002), mnemonik merupakan alat atau teknik khusus (berunsur dalaman atau luaran) yang boleh dijadikan rangsangan berstruktur untuk membantu ingatan. Terdapat pelbagai jenis mnemonik yang boleh digunakan oleh pelajar-pelajar dan kesemua teknik tersebut sebenarnya telah dikaji keberkesannya.



PTT ALGORITHM  
PERBITSIJAKAAN TUNJUK TUN AMINAH

**d) *Membuat bayangan atau visual.***

Semasa proses pembelajaran atau pembacaan dijalankan adalah lebih baik sekiranya otak kita bekerja dengan aktif bagi memahami dan cuba mengingati segala isi penting pembelajaran atau pembacaan tersebut. Penggunaan teknik membuat bayangan atau visual dalam minda dengan gambar, gambar rajah, jadual, graf, pemandangan atau pergerakan mampu merangsang otak agar aktif bekerja. Otak yang sentiasa dirangsang akan lebih terpandu berbanding otak yang pasif. Ini secara tidak langsung mampu menjana otak untuk mengingati dengan lebih mudah.

**e) *Menyebut berulang kali.***

Mengingat ayat yang panjang dengan penggunaan perkataan yang banyak adalah amat sukar tetapi ianya boleh dicapai sekiranya bilangan perkataan dikurangkan kepada perkataan yang penting sahaja. Kemampuan mengingati yang amat terbatas memerlukan seseorang menyebut perkataan tersebut berulang kali dengan tujuan untuk membantu ingatan.

Menurut Md. Azri Aziz (2002), ingatan kita perlu kepada latihan dan pengulangan supaya maklumat yang ingin diingat dapat menimbulkan gambaran mental yang mampu memberikan kesan yang mendalam. Kekkerapan pengulangan juga haruslah mempunyai tempoh yang ideal misalnya selepas 10 minit diikuti satu jam kemudian, sehari, seminggu, sebulandan seterusnya selepas enam bulan. Kaedah ini membolehkan maklumat dirakam ke dalam Ingatan Jangka Panjang dengan mudah.





*f) Menulis atau melakar semula.*

Teknik menulis atau melakar semula boleh dilakukan untuk semua mata pelajaran sama ada dalam bentuk pengiraan atau pembacaan. Untuk mengetahui tahap pemahaman dan kebolehan mengingat pelajaran yang telah dipelajari atau diulang kaji, pelajar perlu dilatih menulis atau melakarkan kembali segala apa yang cuba diingati tanpa melihat kepada nota yang telah disediakan.

Bagi pembelajaran berbentuk pengiraan pula, selepas sesuatu latihan dilakukan, semakan boleh dilakukan daripada panduan jawapan atau daripada guru. Sekiranya terdapat langkah atau jawapan yang salah, latihan semula boleh dilakukan untuk mengukuhkan ingatan terdapat pengiraan tersebut. Dengan cara ini ingatan seseorang pelajar akan lebih tajam untuk mengimbas kembali segala apa yang telah diketahuinya.

*g) Melakukan gerakan, kerja amali atau eksperimen.*

Di dalam pembelajaran yang banyak melibatkan kerja amali ataupun eksperimen seperti Kimia, Sains dan Biologi, seseorang pelajar adalah digalakkan terlibat secara langsung dalam aktiviti pembelajaran ini. Sekiranya seseorang pelajar melakukan gerakan, kerja amali atau eksperimen, ingatan mereka terhadap apa yang dilakukannya adalah lebih lama berbanding dengan pelajar yang tidak melakukan kerja tersebut. Di dalam gerakan, kerja amali atau eksperimen berkumpulan, seboleh mungkin setiap pelajar mestilah terlibat menjalankan aktiviti tersebut kerana apabila persoalan mengenai tajuk tersebut dikeluarkan pelajar akan lebih mudah mengingati akan apa yang telah dilakukannya itu.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH


### 2.3 Mengukur Daya Ingatan

Menurut Dr. Hassan Hj. Mohd Ali (1996), terdapat tiga cara bagaimana untuk mengukur daya ingatan kita samada baik ataupun tidak. Ketiga-tiga perkara tersebut berkait rapat dengan proses mengingat itu sendiri iaitu:

- a) Se jauh mana kita dapat menyimpan maklumat yang dipelajari. Setelah sesuatu maklumat diterima, contohnya semasa mendengar guru mengajar, maklumat itu mestilah disimpan dalam ingatan. Kebolehan menyimpan maklumat dalam ingatan ini dapat dijadikan batu pengukur sejauh mana kemampuan daya ingatan kita.
- b) Se jauh mana kita dapat memanggil balik atau mengeluarkan semula maklumat yang disimpan dalam bentuknya yang asal. Kebolehan ini bergantung kepada bagaimana maklumat tersebut boleh dikekalkan keasliannya dalam ingatan.
- c) Se jauh mana kita mengenal identiti atau pengertian sebenar di sebalik apa yang telah dikeluarkan tadi. Jika daya ingatan kita baik, kita akan dapat membezakan apa yang perlu diingat dan apa yang tidak.



PTTAUTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



Rajah 2.2 : Kaedah Mengukur Daya Ingatan

Sumber: Dr. Hassan Hj. Mohd Ali, (1996)

#### 2.4 Strategi Menajamkan Daya Ingatan

Bidang Ingatan sudah dikaji oleh pakar-pakar psikologi semenjak 1885 (Ainon dan Abdullah, 1997). Berbagai cara telah dicipta untuk menajamkan daya ingatan di mana ia telah memberikan manfaat kepada pelajar. Terdapat pelbagai teknik atau strategi yang disarankan antaranya adalah:

**a) Minat Terhadap Apa Yang Dipelajari**

Minat merupakan syarat utama yang membolehkan seseorang mengingat sesuatu. Menurut Dr. Hassan Hj. Mohd. Ali (1996), proses mengingat akan lebih licin jika pelajar benar-benar meminati apa yang dipelajarinya. Memang tidak dapat dinafikan bahawa tidak kesemua mata pelajaran yang dipelajari di sekolah menjadi minat pelajar. Terdapat pelajar lebih meminati pembelajaran berbentuk pengiraan dan sesetengah yang lainnya pula meminati pelajaran berbentuk pembacaan. Namun untuk berhadapan dengan sistem pembelajaran di sekolah, semua pelajar perlu menanamkan minat terhadap semua jenis mata pelajaran memandangkan setiap satunya mempunyai ujian dan peperiksaan yang menentukan tahap pencapaian pelajar.

Menurut Md. Azri Aziz (2002), tanpa minat kita tidak akan dapat memberikan penumpuan yang secukupnya untuk membuat penilaian serta tanggapan yang jelas terhadap maklumat. Keadaan ini akan melahirkan satu dorongan untuk mengingat sesuatu dengan lebih berkesan.

**b) Latih Tubi dan Ulang Berkali-kali**

Bukan mudah untuk mengingat, namun ianya adalah suatu yang tidak mustahil jika seseorang pelajar rajin membuat latihan dengan secukupnya. Menurut Dr. Hassan Hj. Mohd. Ali (1996), sesuatu formula akan lebih senang diingati jika kita selalu menyebutnya secara berulang-ulang. Menurut Md. Azri Aziz (2002), ingatan kita perlu kepada latihan dan pengulangan supaya maklumat yang ingin diingat dapat menimbulkan gambaran mental yang memberi kesan mendalam kepada kita.



Di dalam satu kajian yang dijalankan oleh Krueger (1929), beliau telah memberikan senarai perkataan kepada sekumpulan pelajar. Mereka disuruh menghafal senarai itu hingga mereka boleh mengulanginya dengan tidak membuat sebarang kesilapan. Mereka disuruh mengulang hafalan antara 50 hingga 100 kali. Selepas 28 hari didapati semakin banyak mengulang apa yang sudah dihafal, semakin banyak yang mereka ingat.

**c) Susunkan Maklumat**

Seseorang akan lebih mudah mengingat jika sesuatu maklumat itu disusun dengan baik. Menurut Dr. Hassan Hj. Mohd. Ali (1996), kita lebih mudah mengingat sesuatu maklumat mengikut sekuen atau urutan contohnya abjad ABC hingga Z, semua orang akan lebih mudah mengingatinya dengan diatur mengikut urutan. Jarang sekali kiat dengar orang yang menghafal abjad ini dengan terbalik.

Md. Azri Aziz (2002) pula menambah dengan mentakan bahawa, ingatan kita lebih mudah menangani maklumat yang tersusun. Maklumat yang tersimpan rapi ini akan mudah dikeluarkan semula apabila dikehendaki. Tanpa kaedah ini, ingatan kita boleh menimbulkan suatu rakaman yang bercelaru.



PTTA UTHM  
PERTUBUHAN TUNKU TUN AMINAH

**d) Teknik *Chunking***

*Chunking* ialah teknik mengumpul beberapa butir maklumat yang tidak berkaitan menjadi satu kumpulan mengikut keseragaman tertentu. Dalam beberapa tugas, ia memerlukan irama lagu yang bersesuaian. Contohnya abjad ABC hingga Z yang mengandungi 26 *chunk* boleh menjadi 4 *chunk* dengan membunyikannya menggunakan irama. Ini membolehkan seseorang itu menyimpan dalam ingatan jangka pendek kerana purata *chunk* yang mampu diterima oleh otak ialah 7 hingga 9. Iritan lagu dan rentak tertentu pula mampu menguatkan lagi daya ingatan kerana di samping mengurangkan kebosanan, ia dapat meningkatkan minat dan mendorong penumpuan.

**e) Teknik Gabungan Huruf Pertama**

Atkinson (1975) membuat kajian dalam bidang teknik ingatan dan beliau mendapati kita semakin mudah mengingat sesuatu maklumat apabila maklumat itu ada maknanya pada diri kita. Contohnya untuk mengingat lima tasik terbesar di Amerika Syarikat iaitu Huron, Ontoria, Michigan, Eric dan Superior, kita memendekkannya dengan perkataan 'HOMES'.

**f) Teknik Penggunaan Peta Minda**

Peta minda merupakan satu teknik berkesan mengambil nota yang telah diperkenalkan oleh Tony Buzan pada tahun 70-an. Teknik ini menggunakan kata kunci dan imej grafik dalam menerangkan sesuatu



## Bibliografi

Ab.Rahim Selamat (1989). *"Belajar Cara Belajar – Edisi Kedua"*. Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti.

Abu Zahari Abu Bakar (1987). *"Memahami Psikologi Pembelajaran"*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Ahmad Esa (2001). *"Etika Profesional Dalam Pengurusan Usahawan :Satu Analisis Lapangan"*. Kertas Kerja Yang Dibentangkan Di Seminar Kebangsaan Sosio Ekonomi dan IT.

Ahmad Yani Abd. Manaf (2002-Edisi Pengenalan). *Menyingkap Kecerdikan Imam Shafie. Majalah I*, m.s 86-87.

Ainon Mohd. & Abdullah Hassan (1997). *"Motivasi Belajar Berfikir"*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

Atkinson , R.C. (1975). *"Mnenomenics in Second Language Learning"*. American Psychologist 30, 821-828.

Bower, G.H. (1970). *"Organizational Factors in Memory"*. Cognitive Psychology 1, 14-18.

Dalen, V. (1979). *Memahami Penyelidikan Pendidikan* (Terjemahan, Abdul Fatah Abdul Malik, et al.). Serdang: Terbitan UPM

Gregg, L.W. (1972). *"Cognition In Learning and Memory"*. New York : Wiley



PTTA UTHM  
 REPPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Hasnah Zakaria (1999). "*Amalan Kemahiran Belajar Di Kalangan Pelajar-pelajar Tingkatan 2, Sekolah Menengah Kebangsaan di Daerah Kulim dan Bandar Baharu, Kedah – Satu Tinjauan*". Tesis Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia (Tidak diterbitkan).

Hassan Hj. Mohd. Ali, PhD. (1996). "*Strategi Belajar Yang Berkesan*". Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Kamaruddin Mat Rejab (2000). "*Amalan Kemahiran Belajar Di Kalangan Pelajar 4SPA/E/J (KDPK) Dalam Pembelajaran*". Tesis Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia (Tidak diterbitkan).

Krueger, W.C. (1929). "*The Effect of Overlearning on Retention*". Journal of Experimental Psychology 12, 71-78.

Latipah Hj. Yaacob (1999). "*Menghuraikan Teknik Belajar Pelajar Tahun 3 Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Perhubungan) Terhadap Prestasi Pencapaian Akademik*". Tesis Sarjana Muda, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (Tidak diterbitkan).

Lee Shok Mee (1997). "*Psikologi Pendidikan 2 – Teori dan Aplikasi Psikologi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran*". Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Md. Azri Aziz (2002). "*Teknik Ingatan Untuk Pelajar*" Kuala Lumpur : Quantum Learning.

Mohd Majid Konting (2000). "*Kaedah Penyelidikan Pendidikan*". Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Nashuha Jamidin et.al, (1997). "*Psikologi dan Teknik Belajar yang Berkesan*". Petaling Jaya : Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.



- Mohd. Yunus Noor (1990). "*Kemahiran Berfikir Dan Belajar*". Kuala Lumpur : Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mohd. Yusof Hj. Othman (1995). "*Teknik Belajar Berkesan*". Selangor : Aras Mega (M) Sdn. Bhd.
- Mohd. Yusuf Hj. Arshad (1991). "*Belajar Untuk Berjaya : Strategi Bagi Menguasai, Meminati dan Mendalami Bahan Bacaan Pelajaran*". Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Muhammad Kamil Ibrahim & Nasrudin Mohamed (1999). "*Pelajar Cemerlang*". Kuala Lumpur : Darul Nu'man.
- Rahmad Sukor Ab. Samad (Oktober 2000). Belajar Sains dengan Menggunakan Strategi Refleksi Saranan (2). *Dewan Siswa*, m.s 52-53.
- Rahil Mahyuddin, Jami'ah Mohamad dan Kasnani Ab. Karim (2000). "*Psikologi Pendidikan II*". Petaling Jaya : Longman Malaysia Sdn.Bhd.
- Saniah Sayuti et.al. (2000). "*Psikologi Pendidikan*". Skudai : Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Sherina (1999). "*Kaedah Belajar dan Berjaya Dalam Peperiksaan*". Kuala Lumpur : Golden Books Centre Sdn. Bhd.
- Tai Say Moy (2000). "*Rahsia Mengingat Formula-formula Sains Di kalangan Pelajar-pelajar Aliran Sains*". Tesis Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia (Tidak diterbitkan).
- Toh Hon Leong (2000). "*Rahsia Pelajar Cemerlang*". Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.



PTTA UTHM  
BERPUSTAKAAN TUN KRUTUN AMINAH

Tuckman, B.W. (1988). *"Conducting Educational Research (Second Edition) "*.  
New York: Harcourt Brace.

Turkington, C.A (1999). *"12 Langkah Ke arah Daya Ingatan Cemerlang"*. Petaling  
Jaya: Prentice Hall (M) Sdn. Bhd.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH